

# JALAN KAKI LASAK

Tanggal 16 Februari 2008, satu lagi program 7 Pillars telah dianjurkan dengan penyertaan oleh pelajar Tahun Dua dan Tahun Tiga di mana program kali ini merupakan satu program cabaran fizikal yang dinamakan Jalan Kaki Lasak. Program ini diadakan di Sekolah Menengah Padang Besar, serentak dengan satu lagi program universiti yang disertai oleh semua wakil IPTA Malaysia iaitu Karnival Gejala ATS dan HIV/AIDS.

Program dimulakan dengan acara senam robik dan poco-poco. Selepas ucapan oleh wakil menteri besar diberikan, para pelajar dilepaskan untuk memulakan Program Jalan Kaki Lasak sejauh 10 km. Semua pelajar yang terlibat memberikan komitmen yang terbaik dan memuaskan.

